

TARIKH : 21 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8

Malaysia perlu sedia tanggung 'sakit' untuk jangka pendek

Malaysia perlu sedia tanggung 'sakit' untuk jangka pendek

Kestabilan politik, kecekapan, keyakinan diperlukan untuk pulihkan ekonomi negara

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, menggariskan tiga keperluan bagi memulihkan ekonomi negara yang sedang bergejut ketika ini iaitu kestabilan politik, kecekapan dan keyakinan.

Beliau berkata, Malaysia harus sedia menanggung 'kesakitan jangka pendek' demi generasi

akan datang.

Ahli Parlimen Titiwangsa itu ketika membahaskan titah Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat, Selasa lalu, menyenaraikan cabaran yang membelit ekonomi negara ketika ini, antaranya pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan pendapatan isi rumah berkurangan.

Selain itu, beliau berkata, pengangguran dan guna tenaga tidak penuh, hasil kerajaan yang rendah dan kemiskinan yang meningkat.

"Malaysia tidak boleh lagi ada tiga Perdana Menteri dalam tempoh empat tahun. Pelabur tidak yakin (kerajaan stabil)," katanya dalam wawancara bersama portal FMT.

Johari berkata, semua pihak harus bersama mengekalkan kestabilan politik dan ia amat perlu untuk memastikan dasar yang perlu, tetapi tidak popular diteruskan setiap kali pentadbi-

ran bertukar.

Pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad pada 2018 memansuhkan cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang tidak popular, langkah yang membawa kepada hasil tahunan kerajaan berkurang pada anggaran RM20 bilion.

"Kedua, kita mesti ada pasukan berpengalaman dan cekap untuk baiki masalah dihadapi

negara dan merangka strategi jangka pendek serta panjang," katanya.

Kurangkan belanja kerajaan

Mengulas lanjut, beliau berkata, strategi itu pula harus diberitahu kepada umum, termasuk hakikat mengenai 'kesakitan jangka pendek' dan nikmat jangka panjang.


Johari mengambil contoh rancangan melaksanakan subsidi bersasar untuk bahan bakar kenderaan yang tidak mudah, tetapi perlu dilakukan.

Kerajaan ketika ini sedang mempertimbangkan rancangan itu, yang dijangka membantu mengurangkan perbelanjaan kerajaan. Tahun lalu, kerajaan membelanjakan kira-kira RM37.3 bilion untuk subsidi bahan bakar.

"Kita mesti ada pemerintah yang mempunyai integriti dan wibawa supaya rakyat yang akan perlu tanggung kesakitan jangka pendek, yakin pada kerajaan.

"Kalau kerajaan tiada integriti, macam mana orang nak terima formula sakit jangka pendek itu? Jika kerajaan ada kemampuan, kredibiliti, pengalaman serta pemimpin yang cekap serta ada kestabilan politik, ia boleh dilaksanakan dan rakyat akan percaya," katanya.

"Kita mesti ada pemerintah yang mempunyai integriti dan wibawa supaya rakyat yang akan perlu tanggung kesakitan jangka pendek, yakin pada kerajaan"



Johari Abdul Ghani,
Bekas Menteri Kewangan II

